

18 AUG 2000

Khir-MB

PELANTIKAN BUKTI KEPERCAYAAN PM KEPADA GOLONGAN MUDA, KATA KHIR

SEKINCHAN, 18 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Selangor yang baru diumumkan, Dr Mohamad Khir Toyo berkata pelantikan beliau jelas membuktikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil kira pandangan golongan muda dalam pentadbiran kerajaan.

Katanya, ekoran pelantikan itu beliau yakin golongan muda akan diberi tanggungjawab besar pada masa akan datang dalam konteks pembangunan negara.

"Kepercayaan yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri itu sudah pasti akan dapat menarik golongan muda mendekati kerajaan," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini, malam ini.

Menjawab satu soalan, Khir berkata beliau yakin semua pemimpin Selangor akan dapat memberikan kerjasama yang baik kepada beliau dalam menjalankan tugasnya, walaupun beliau boleh dikategorikan sebagai pemimpin muda berbanding lain-lain pemimpin yang lebih senior.

Katanya walaupun beliau dari golongan muda, beliau yakin pengerusi baru Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhamad Muhammad Taib akan membantunya menjalankan tugas.

Khir berkata dua agenda beliau yang utama ialah untuk melaksanakan pembangunan insan dan memastikan Selangor mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2005.

Katanya, beliau merasakan bahawa Selangor tidak mempunyai masalah menjadi negeri maju berdasarkan segala kemudahan infrastruktur yang sedia ada kini, namun cabaran hebatnya adalah untuk membangunkan pembangunan insan.

Menjawab satu soalan, Khir berkata beliau akur dengan cabaran yang bakal menanti sebaik sahaja beliau menduduki kerusi yang dianggap panas di Selangor itu.

"Saya yakin jika kita menjalankan tugas dengan ikhlas, jujur dan baik, tiada ada masalah akan timbul, soal kerusi panas atau tidak, adalah tidak penting," katanya.

Menurutnya adalah terlalu awal untuk beliau bercakap mengenai rombakan dan sehingga kini beliau beranggapan exco yang ada boleh dikekalkan dan beliau akan menemui bekas Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar serta barisan exco untuk berbincang mengenainya.

Khir berkata beliau akan mengatur strategi untuk menarik orang-orang Melayu supaya bersatu disamping menumpukan kepada usaha meningkatkan sokongan rakyat kepada kerajaan.

Katanya, beliau difahamkan majlis angkat sumpah akan berlangsung di Istana Khamis depan.

Beliau jelas amat terperanjat dengan pelantikannya dan berkata hanya tahu mengenainya selepas menonton rancangan berita pukul 8 malam.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas kepercayaan yang diberikan itu dan bersyukur kepada tuhan.

Beliau berkata banyak yang memberi dorongan kepada beliau untuk menceburi bidang politik sehingga berjaya mencapai kejayaan yang dikecapi kini.

Keadaan di kediaman Khir malam ini penuh sesak dengan orang ramai yang datang untuk memberikan ucapan tahniah kepada Menteri Besar baru itu.

Bagaimanapun tiada di kalangan pemimpin "senior" Selangor yang kelihatan setakat ini.

-- BERNAMA

AZH zb